

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status laluan keretapi di Rantau Panjang bagi membantu meningkatkan ekonomi negara melalui laluan rel di dalam inisiatif *Rantau Panjang Revival*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi tren KTMB di antara Stesen Pasir Mas dan Stesen Rantau Panjang bagi perkhidmatan penumpang telah lama dihentikan sejak tahun 1982 manakala perkhidmatan kargo dihentikan pada tahun 2003 atas faktor keselamatan seperti yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Pada masa ini, keadaan infrastruktur landasan di laluan ini telah rosak teruk akibat banjir besar yang berlaku pada tahun 2007. Justeru, perkhidmatan tren di laluan ini adalah tidak sesuai dari segi keselamatan.
2. Kementerian juga sedang melihat kepada potensi meningkatkan penggunaan rel sedia ada di Rantau Panjang – Sg. Golok bagi membawa barang dan penumpang khususnya dari Selatan Thailand. Pembangunan semula laluan ini turut dibincangkan di platform Mesyuarat *Malaysia-Thailand Railway Joint Working Committee* yang diadakan sebanyak 2 kali setahun.
3. Selain itu, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantine dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine and Security – ICQS*) di Rantau Panjang melalui peruntukan *Rolling Plan 1 (RP1)* Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12). Projek pembinaan ICQS Rantau Panjang ini dijangka akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi bagi Malaysia dan Thailand.

Sekian, terima kasih.